

01 JAN 2002

Mahathir-Wawancara (Bergambar)

TRANSKRIP WAWANCARA BERNAMA DENGAN PERDANA MENTERI

KUALA LUMPUR, 1 Jan (Bernama) -- BERNAMA telah menemuramah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam program "Wawancara BERNAMA dengan Perdana Menteri" yang disiarkan melalui RTM dan Astro malam ini.

Temuramah tersebut dikendalikan bersama oleh Ketua Pengarang Bernama Jaafar Hussin dan Penolong Pengarang E.Sivabalan.

Berikut adalah teks penuh temuramah tersebut.

Soalan: Sempena sambutan Hari Jadi Datuk Seri pada 20 Disember lepas, apakah agaknya hajat atau harapan Datuk Seri?

Jawapan: Harapan saya ialah pada tahun 2002 keadaan akan pulih sedikit kerana tahun 2001 menampakkan beberapa peristiwa yang buruk terutamanya kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan kemudian pada 11 September berlaku serangan pengganas ke atas Amerika. Dan ini mempunyai kesan yang amat buruk kepada ekonomi negara kita, ekonomi dunia dan juga meletakkan kita dalam keadaan yang tidak menyenangkan kerana sebagai sebuah negara Islam, kita juga diberi perhatian seolah-olah kita juga terlibat dengan keganasan yang dilakukan oleh pengganas yang dikatakan beragama Islam. Jadi kita harap tahun 2002 keadaan akan pulih walaupun tidak sepenuhnya tetapi tidak ada lagilah berlaku peristiwa seperti yang terdapat pada tahun 2001.

Soalan: Pada keseluruhannya Datuk Seri, adakah Datuk Seri puas hati dengan pencapaian negara dalam pelbagai bidang pada tahun lalu?

Jawapan: Kalau dibanding dengan masa-masa lepas, yalah keadaan pemulihan negara tidaklah sebegitu baik. tetapi berbanding dengan negara-negara lain di dunia, kita berjaya mencapai kemajuan yang agak baik kerana keadaan negara terus stabil, ekonomi negara walaupun tidak tumbuh seperti yang dijangka tetapi lebih baik daripada kebanyakan negara-negara yang lain. Dan kita percaya bahawa prestasi kita bagi tahun 2001 ini tidaklah sebegitu buruk seperti yang dijangka pada mulanya.

Soalan: Datuk Seri, adakah peristiwa yang berlaku pada tahun 2001 sama ada di luar negara atau pun di dalam negeri telah sedikit sebanyak mengganggu halatuju negara mencapai Wawasan 2020?

Jawapan: Mungkin dia mempunyai kesan sedikit tetapi kita berharap ini adalah hanya bagi tahun 2001. Seperti mana yang kita tahu pada tahun 2000, kita telah dapat mencapai pertumbuhan yang baik lebih daripada lapan peratus dan kita berharap tahun 2001 juga kita dapat tumbuh kepada tahap yang sama. Tetapi oleh kerana kemerosotan ekonomi Amerika Syarikat dan kemudian serangan pengganas, kita tidak dapat mencapai matlamat kita. Tetapi masih juga kita percaya tidak sebegitu buruk.

Soalan: Adakah kita akan melihat lebih banyak pengangguran pada tahun 2002?

Jawapan: Saya yakin kita akan pulih sedikit pada tahun 2002. Walau bagaimanapun pengangguran di negara kita amat kecil sekali dan saya fikir, kita akan dapat pulih keadaan dan pengangguran tidak akan menjadi masalah kepada kita. Sedangkan di negara kita sebenarnya peluang kerja begitu

banyak, yang jadi masalah ialah ramai daripada mereka yang menganggur memilih kerja. Dengan itu mereka terus menganggur.

Soalan: Pada tahun 2002 ini, berapa peratus agaknya pertumbuhan ekonomi yang diramalkan?

Jawapan: Kita percaya pada tahun 2001 mungkin kita capai pertumbuhan hanya antara 0.5 peratus dengan satu peratus dan pada tahun 2002, mungkin dapat tiga peratus lebih kurang.

Soalan: Datuk Seri, adakah Washington kini lebih memahami lebih memahami segala tindakan dan keputusan kita yang membabitkan pelbagai perkara berikutan Peristiwa 11 September di Amerika Syarikat?

Jawapan: Terdapat pertukaran kerajaan di Amerika Syarikat dan dengan kerajaan baru ini, kita tidak mempunyai masalah dan kita berhajat untuk memperbaiki hubungan kita dengan Amerika Syarikat sebelum pun berlaku Peristiwa 11 September. Tetapi dengan berlakunya Peristiwa 11 September, maka negara kita sebagai satu daripada negara Islam telah muncul di arena antarabangsa sebagai hanya satu sahaja negara Islam yang maju, demokratik dan stabil. Walaupun ada juga sangkaan bahawa kita juga terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan keganasan tetapi dunia mengiktiraf bahawa kerajaan kita mampu menangani masalah-masalah dalaman berkenaan dengan keganasan dan ekonomi.

Soalan: Negara-negara yang satu ketika dahulu begitu lantang menentang apa yang didakwa sebagai pelanggaran hak asasi manusia dengan pelaksanaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) telah begitu cepat menerima pakai Akta ini. Misalnya Amerika dan di United Kingdom baru-baru ini, Parlimen British telahpun meluluskan Anti-Terror Bill. Apa pendapat Datuk Seri tentang ini?

Jawapan: Ya, memang mudah bagi orang yang tidak terlibat membuat pendirian bahawa sepatutnya tidak ada penggunaan secara yang keras dalam menangani masalah-masalah dalaman sesebuah negara. Tetapi apabila berlaku kepada negara sendiri, maka pendirian bertukar, maka mereka pada ketika itu telah sedar bahawa apa yang dilakukan oleh kita adalah untuk menyelamatkan negara kita dan mereka juga tahu bahawa untuk menyelamatkan negara mereka juga, mereka harus mengguna pendekatan yang sama. Jadi ternampak jelas bahawa teguran-teguran terhadap Malaysia berasaskan kepada anggapan bahawa mereka tidak akan diserang oleh masalah-masalah seperti yang dihadapi oleh Malaysia. Apabila mereka diserang, reaksi mereka sama sahaja.

Soalan: Jadi, adakah selama ini kritikan yang dilemparkan terhadap kerajaan dari segi penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak berasas dan adakah ini juga bermakna bahawa ISA semakin relevan berikutan Peristiwa 11 September?

Jawapan: ISA atau pun undang-undang yang seperti ISA ini memang relevan bagi semua negara dalam keadaan tertentu. Kita juga tidak menggunakan ISA dengan sewenang-wenangnya. Kita cuma menggunakannya dalam keadaan tertentu yang mana keselamatan negara terancam. Mereka berasa keselamatan mereka tidak akan terancam. tetapi bila mereka menghadapi masalah yang sama dan untuk menangani ancaman ini, maka mereka juga menggunakan cara-cara yang sama. Jadi yang jelas ialah amat mudah untuk menegur orang lain sebagai tidak mengamalkan cara-cara yang baik sehinggalah apabila berlaku kepada diri sendiri maka mereka sedar bahawa mereka juga perlu menggunakan pendekatan yang sama.

Soalan: Kali terakhir Datuk Seri berjumpa dengan Presiden (George W.) Bush ialah semasa Forum Ekonomi Asia Pasifik di China baru-baru ini. Banyak analisis menganggap ini suatu petanda baik dalam hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat. Malah ada yang berkata bahawa Malaysia dan Amerika Syarikat memahami pendirian masing-masing dengan lebih baik sekarang. Apakah ini benar Datuk Seri?

Jawapan: Saya fikir benar kerana saya berjumpa dengan Presiden Bush dalam keadaan yang mana Amerika juga menghadapi masalah ancaman terhadap keselamatan Amerika dan tentulah dianya lebih faham bagaimana, kenapa kita menggunakan pendekatan kita untuk menangani masalah keselamatan dalam negara kita. Dengan itu dia mungkin lebih memahami apa yang dilakukan oleh Malaysia kerana dia juga menghadapi masalah yang sama.

Soalan: Adakah Datuk Seri akan membuat lawatan ke Washington tidak lama lagi?

Jawapan: Waktu ini, kita belum ada rancangan tetapi saya mungkin juga ke Amerika Syarikat untuk menghadiri satu forum di New York yang dianjurkan oleh European Economic Forum. Dan kalau saya pergi, di situ mungkin saya berjumpa (Bush) dan mungkin juga pada waktu-waktu lain. Tak tentulah.

Soalan: Dahulu media Barat melihat Malaysia sebagai satu negara yang boleh dikatakan sebagai memusuhi Amerika Syarikat. Dengan pentadbiran baru Presiden Bush, bagaimana Datuk Seri melihat hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat?

Jawapan: Lebih baik sekarang daripada dahulu. Seperti mana kita tahu, dahulu pemerintahan Amerika Syarikat membuat kecaman secara langsung terhadap kita bahkan Naib Presidennya (Al Gore) datang ke sini dan menggalakkan pihak tertentu supaya menjatuhkan kerajaan. Tetapi kerajaan yang ada sekarang ini di Amerika Syarikat tidak berbuat demikian. Dengan itu kita lebih senang untuk mengadakan perhubungan dengan kerajaan baru.

Soalan: Datuk Seri, banyak orang memperkatakan bahawa di sebalik kelembapan ekonomi yang melanda negara sekarang, jelas sekali bahawa Datuk Seri telah berjaya memperkukuhkan keadaan politik negara, khususnya Barisan Nasional dan juga Umno. Apa pendapat Datuk Seri?

Jawapan: Ya, kita bukan dengan sengaja memperkukuhkan keadaan tetapi saya fikir rakyat dapat melihat tentang pentingnya kerajaan lebih tegas dalam memerintah negara baik daripada segi keselamatan atau pun ekonomi atau pun politik. Dilihat barangkali di negara-negara yang mana kerajaannya tidak kuat, lemah, tidak tegas, masalah banyak timbul. Di Malaysia kita dapat mengelakkan daripada masalah kerana kita mempunyai kerajaan yang mendapat sokongan besar daripada rakyat melalui wakil-wakil yang dipilih oleh mereka dan kita mampu mengambil tindakan dalam semua bidang secara tegas untuk memelihara keadaan dalam negara. Mungkin rakyat lihat dan dengan ini mungkin juga rakyat berasa lebih senang dengan kerajaan Barisan Nasional yang ada sekarang ini.

Soalan: Tetapi di pihak yang satu lagi Datuk Seri, mereka menganggap ini sebagai satu tindakan yang "draconian" yang begitu tegas dan inilah yang diperkatakan di merata pelusuk tanah air.

Jawapan: Yalah, sama ada draconian atau pun tidak, luar biasa atau pun

tidak, bergantung kepada keadaan. Kita lihat negara-negara lain juga apabila menghadapi masalah yang sama, mereka juga bertindak secara draconian.

Soalan: Malah lebih teruk daripada itu.

Jawapan: Ya, lebih teruk daripada itu. Jadi reaksi sesuatu kerajaan, tindakan sesuatu kerajaan bergantung kepada keadaan. Dalam keadaan yang mana tidak ada masalah bagi negara, amat mudah kita bercakap berkenaan "human rights", berkenaan dengan demokrasi dan lain-lain. Tetapi kita lihat apabila terancam dengan sesuatu, "human rights" dan demokrasi diketepikan. Ini yang nyatalah. Saya fikir tentu rakyat dapat lihat ini.

Soalan: Yang penting ialah law and order.

Jawapan: Ya, kerana kita utamakan kepentingan majoriti, tidak kepentingan individu. Walaupun kita menghormati hak seseorang tetapi haknya terhad kepada tindakan yang tidak menjejaskan keselamatan majoriti. Ini pendirian kita. Dan kita tidak apologise kepada sesiapa berkenaan dengan pendirian kita.

Soalan: Walaupun kita dikritik hebat, khususnya oleh negara-negara Barat?

Jawapan: Kita dikritik hebat oleh negara-negara Barat, kita tidak pernah tunduk kepada mereka dalam apa bidang sekali pun kerana kita bertanggungjawab kepada negara kita, kepada rakyat kita. Mereka tidak bertanggungjawab kepada negara kita. Bagi mereka kalau rakyat kita menderita, itu bukan masalah mereka. tetapi kita bertanggungjawab. Kita dipilih oleh rakyat dan menjadi tanggungjawab kita menjaga keselamatan rakyat, kesejahteraan rakyat.

Soalan: Apakah sebagai Pengerusi Barisan Nasional, Datuk Seri ada melakukan sesuatu untuk meredakan keadaan di dalam parti MCA yang kini menghadapi masalah?

Jawapan: Pergeseran seperti ini berlaku kepada semua parti termasuk parti lawan juga. Memang ada pendapat yang berbeza-beza dalam kepimpinan sesebuah parti. Ia berlaku kepada Umno, berlaku kepada Gerakan, berlaku kepada DAP pun dan berlaku kepada Keadilan dan tidak hairan kalau ia berlaku kepada MCA. Kita cuba redakan, saya bertemu dengan pemimpin-pemimpin berkenaan dan meminta supaya mereka selesaikan masalah mereka secara aman, secara baik dengan mengutamakan bukan orang-orang tertentu, pemimpin-pemimpin tertentu, sebaliknya mengutamakan parti. Yang penting ialah parti bukan pemimpin. Kerana pemimpin akan pergi satu hari, dia tak akan kekal, tetapi parti lebih kekal daripada pemimpin. Jadi jagalah kepentingan parti dan bukannya kepentingan individu.

Soalan: Jika masalah ini berpanjangan dan tiada jalan penyelesaian, adakah BN perlu bertindak dengan mengadakan satu mesyuarat khas. Adakah ini perlu ataupun dibiarkan MCA menyelesaikan masalahnya sendiri?

Jawapan: Tradisi Barisan Nasional ialah tidak campur tangan dalam urusan dalaman parti-parti komponen. Melainkan kalau sesuatu berlaku yang tidak dapat dihentikan sama sekali. Tetapi setakat ini kita berpendapat bahawa MCA dan pemimpin-pemimpinnya mampu menyelesaikan masalah ini. Mungkin dengan kita berbincang termasuk diri saya juga kalau ditanya,

diminta nasihat mungkin saya dapat memberi sedikit nasihat.

Soalan: Nampaknya ada respon itu daripada kedua-dua pihak ekoran daripada nasihat yang diberikan oleh Datuk Seri. Tetapi sekiranya persengketaan ini masih lagi berterusan sehingga diadakan pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri Indera Kayangan nanti dan mungkin ini akan dieksploitasi oleh pihak pembangkang.

Jawapan: Ya, kalau dia terus berada, mungkin ia dieksploitasi oleh parti lawan. Tetapi saya nampak tanda-tanda bahawa mereka dapat mengatasi perselisihan faham antara mereka dan dalam pilihanraya kecil ini, saya yakin mereka akan bersatu. Sekarang ini pun Presiden MCA sanggup mengetuai MCA dalam kempen ini dianya disokong oleh Ketua Pemuda dan juga yang lain-lain juga memberi pengakuan mereka akan memberi kerjasama sepenuhnya.

Soalan: Pada suatu ketika dahulu, politik wang menjadi ancaman kepada Umno, malah Umno hampir musnah dan selepas itu beberapa tindakan telah diambil supaya politik wang ini tidak berulang. Apakah hasilnya pada hari ini?

Jawapan: Saya fikir keadaan reda sedikit, tidak sangat ketaralah. Walaupun kita hanya boleh membuat penilaian di waktu pemilihan Ketua Bahagian ataupun dekat dengan pilihan raya pemilihan calon dan sebagainya. Waktu itu mungkin perkara penggunaan wang ini akan timbul semula. Tetapi saya yakin kebanyakan daripada pemimpin-pemimpin Umno, ahli-ahli Umno sekarang ini sedar akan tindakan yang akan diambil terhadap mereka sehingga mereka akan kehilangan kedudukan mereka sama sekali, tidak dapat menjadi Ketua Bahagian, tidak dapat menjadi calon. Dengan itu saya yakin mereka akan kurangkan walaupun tidak sepenuhnya tetapi akan kurangkan penggunaan wang dalam mencari sokongan bagi diri mereka.

Soalan: Dengan berkurangnya masalah politik wang ini Datuk Seri, adakah Datuk Seri menjangkakan Umno akan lebih mantap untuk mempamerkan prestasi yang lebih cemerlang pada pilihan raya umum yang akan datang?

Jawapan: Ya, saya percaya dalam pilihan raya yang akan datang, Umno akan menunjuk prestasi yang lebih baik kerana sekarang ini sudah ternampak ramai yang berminat untuk menyertai Umno dan pemimpin-pemimpin Umno sekarang ini lebih serius dan mereka sedar tentang kelemahan-kelemahan yang disebabkan oleh tindakan mereka sendiri dan mereka sudahpun hentikan tindakan yang boleh merosakkan Umno. Dengan itu, saya yakin dalam pilihan raya akan datang, prestasi Umno akan menjadi lebih baik.

Soalan: Adakah Datuk Seri akan turun ke padang untuk pilihan raya umum yang akan datang?

Jawapan: Ya, saya fikir saya akan turun ke padang. Soalnya sama ada saya akan bertanding. Saya, tentang turun ke padang, walau siapapun yang bertanding, menjadi tanggungjawab saya untuk memberi sokongan sepenuhnya kepada calon-calon Umno, calon-calon Barisan Nasional.

Soalan: Jadi adakah Datuk Seri akan bertanding atau tidak akan bertanding?

Jawapan: Saya berumur 76 (tahun), minat untuk hendak menentukan kejayaan Barisan Nasional memang ada tetapi kejayaan Barisan Nasional boleh dicapai walaupun saya tidak bertanding atau tidak menjadi pemimpin. Ini

adalah sesuatu kemungkinan tetapi dalam keadaan tertentu kalau perlu saya bertanding, saya akan bertanding.

Soalan: Jika Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima semula menjadi anggota BN, bolehkah ia membantu menstabilkan lagi keadaan politik negara, khususnya di Sabah?

Jawapan: Saya fikir dia boleh menstabilkan, dia boleh menyumbang kepada kekuatan kerajaan Barisan Nasional di Sabah dan menyumbang juga kepada kekuatan kerajaan Barisan Nasional di peringkat pusat.

Soalan: Selepas Peristiwa 11 September, banyak syarikat penerbangan antarabangsa telah gulung tikar, malah banyak yang telah mengalami kerugian. Bagaimana pula dengan kedudukan MAS?

Jawapan: Sebelumpun berlaku Peristiwa 11 September, kedudukan MAS sudahpun agak kurang sihat dan kita telah mengambil tindakan untuk memulihkannya dengan mengambilalih MAS semula dengan pembelian saham-sahamnya. Dan sekarang ini kerajaan berkuasa penuh ke atas MAS dan kita telah melantik pengurusan yang baru dan kita sedang mengkaji operasi MAS untuk menentukan apakah kelemahan yang ada kepada MAS. Dan kita juga ingin menentukan bagaimana menyusun semula MAS, menyusun pengurusannya dan menyusun syarikat itu sendiri. Jadi ini sekarang ini dalam kajian, dan belum lagi keputusan yang muktamad yang dibuat.

Soalan: Adakah ini termasuk menjual bahagian ataupun menjual MAS kepada syarikat yang lebih efektif?

Jawapan: Ada juga cadangan daripada syarikat penerbangan lain untuk membeli saham dalam MAS.

Soalan: Contohnya Datuk Seri, syarikat dari mana?

Jawapan: Syarikat daripada Eropah pun ada juga, yang membuat, menunjuk minat tetapi kita belum buat keputusan. Kita berpendapat bahawa apabila kita telah menyusun semula MAS, maka nilainya akan menjadi lebih baik, dengan itu mungkin kita dapat menentukan MAS tidaklah diambil alih secara mudah oleh pihak lain. Namun demikian, kita harus ingat bahawa MAS adalah sebuah syarikat penerbangan nasional dan kepentingan nasional perlu diambil kira.

Soalan: Sejak Datuk Seri mengambil alih portfolio kewangan, ramai pihak merasakan bahawa kini terdapat ketelusan dan pengurusan korporat yang lebih baik. Begitu juga mereka berpendapat bahawa pengagihan kontrak kepada pihak-pihak syarikat dan kontraktor lebih menyeluruh dan lebih rata. Apa komen Datuk Seri?

Jawapan: Ya, itu persepsi orang ramai. Dia mungkin mempunyai asas tetapi kita daripada dulupun memangpun kita hendak urus segala urusan kewangan negara secara yang telus, dapat dilihat oleh rakyat tapi kadang-kadang ternampak seolah-olah ada pihak yang mendapat layanan yang istimewa dan ini menimbulkan tanda tanya. Sekarang ini kita mengkaji semula kerana sekarang ini terdapat lebih ramai umpamanya Bumiputera yang terlibat dengan perniagaan dan mereka juga mempunyai kemampuan tertentu dan kita berpendapat mereka harus diberi peluang damn tidak terhad kepada orang yang telah menunjuk kebolehan mereka dahulu. Sebab itu sekarang ini kita memberi peluang kontrak kepada lebih ramai mereka yang memasuk tender dan

kadang-kadang dalam kes-kes tertentu dimana kepakaran tertentu diperlukan, kita sanggup juga untuk mengadakan runding terus. Tetapi ini adalah satu pendekatan yang kita cuba elak.

Soalan: Apakah sebabnya?

Jawapan: Kerana kita tak hendak ternampak seolah-olah kita ada memilih orang tertentu melainkan kalau dia mempunyai mempunyai kebolehan tertentu dan kepakaran ataupun kewangan yang lebih tegap, maka kita mungkin juga memberi sedikit keutamaan. Tetapi tidaklah sehingga menjadi beban kepada kerajaan.

Soalan: Penjualan kereta Proton dalam negara memang mengalakkan. Tapi ada laporan mengatakan apabila AFTA (Kawasan Perdagangan Bebas Asean) diimplimentasikan, penjualan kereta Proton di luar negara akan terjejas, malah penjualan kereta Proton ke luar negara tidak mengikut sasaran. Sejauh mana kebenaran laporan ini dan apakah tindakan yang telah diambil untuk mengatasi masalah ini?

Jawapan: Ini adalah satu bidang yang agak kompetitif. Proton adalah sebuah syarikat automotif yang kecil berbanding dengan syarikat-syarikat gergasi dunia. Kita perlu bersaing dengan mereka dan ini tidak mudah kerana kita semua tahu dalam industri ini, kosnya bergantung kepada jumlah pengeluaran "economies of scale" dan dengan itu Proton selalunya nampak lebih mahal daripada kereta-kereta yang lain.

Namun demikian kita telah berjaya menembusi beberapa pasaran yang canggih seperti United Kingdom umpamanya. Kita juga telah dapat menjual sebilangan yang tidak kecil di pasaran yang begitu kompetitif di United Kingdom. Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai kebolehan tetapi selepas AFTA, masalah yang akan timbul ialah pasaran tempatan kerana kita tidak lagi boleh melindungi Proton dengan cukai import kerana cukai ini harus diturunkan dan kita dapati di negara-negara AFTA yang lain mereka sanggup bukan mengeluarkan kereta nasional mereka tetapi memasang kereta milik negara-negara besar seperti Jepun, Korea dan lain-lain. Dan dalam syarat AFTA, kalau kereta itu mempunyai 40 peratus bahan tempatan maka ia boleh dianggap sebagai nasional sedangkan proton mempunyai lebih 90 peratus.

Soalan: Ada sesetengah jabatan atau agensi kerajaan yang tidak dapat "cope" dengan kerancakan pembangunan negara sehinggakan peruntukkan yang diberi tidak dibelanjakan. Bagaimana kedudukan sekarang?

Jawapan: Sejak dulupun kementerian dan jabatan-jabatan tidak dapat menghabiskan peruntukkan mereka dalam tahun belanjawan itu dan biasanya dibawa terus ke tahun hadapan. Tetapi kali ini peruntukkannya lebih besar dan dengan itu prestasi mereka tidak sebegitu yang dijangka. Namun demikian kita berpendapat bahawa pendekatan mungkin terpaksa ditukar sedikit iaitu kalau dulu kita buat belanjawan untuk satu tahun (sekarang) kita akan membuat belanjawan untuk dua tahun. Untuk tahun kedua kita tentukan apa urusan yang tidak memerlukan wang. Banyak urusan atau projek yang tidak memerlukan wang, umpamanya membuat "negotiation", untuk mendapatkan tanah dan lain-lain, ini tidak memerlukan wang sehingga pada satu masa yang ditentukan. Dengan itu kita boleh mempercepatkan proses supaya belanjawan bagi satu tahun itu dapat dibelanjakan dari bulan Januari dan bukan bulan Jun, Julai...setelah urusan yang tidak memerlukan wang dapat diselesaikan. Jadi pendekatan kita mesti kita ubah. Ini akan dicuba oleh kerajaan bagi tahun 2002 dan 2003.

Soalan: Beberapa bulan dahulu bila Datuk Seri mengambil alih jawatan Menteri Kewangan, Datuk Seri telah mengatakan sehingga Datuk Seri dapat mencari pengganti, Datuk Seri akan menguruskan kerja sebagai Menteri Kewangan dan nampaknya Datuk Seri telah melakukan tugas yang membanggakan. Adakah kita akan melihat sebarang perubahan dalam perkara ini?

Jawapan: Saya masih memerlukan seorang Menteri Kewangan. Kalau pun tidak mengambil alih daripada saya sebagai Menteri Kewangan tetapi mungkin sebagai pembantu saya. Biasa diadakan Menteri Kewangan kedua, mungkin juga. Ini satu pendekatan yang kita akan pilih kerana tugas Menteri Kewangan ini amat berat. Saya merasai tugas ini agak menjadi satu beban yang besar bagi saya walaupun saya dapat pikul sehingga waktu ini tapi saya ada tugas-tugas lain sebagai Perdana Menteri dan dengan itu saya perlu kepada pembantu mungkin, tetapi kita hendak cari seseorang yang cukup sesuai.

Soalan: Mungkin Datuk Seri telah kenal pasti calon bagi jawatan ini?

Jawapan: Belum lagi...

Soalan: Adakah ia akan berlaku dalam tempoh terdekat ataupun bagaimana Datuk Seri?

Jawapan: Belum saya tentukan.

Soalan: Nampaknya prestasi Bursa Saham Kuala Lumpur begitu menggalakkan sejak dua bulan kebelakangan ini, dan mengikut penganalisis, pasaran kita mungkin akan melepasi tahap 700 mata tidak lama lagi. Adakah ini satu petanda bahawa pelabur khususnya pelabur asing merasa yakin dengan keadaan pasaran kita dan adakah ini juga kerana mereka rasakan kita ada "economic fundamentals" di Malaysia?

Jawapan: Kalau pelabur itu membuat kajian secara ilmiah, tidak terpengaruh dengan mungkin "bias politics" mereka saya yakin mereka akan dapati ekonomi Malaysia lebih sihat daripada kebanyakan ekonomi negara-negara lain. Jika mereka ingin melihat pelaburan mereka mendatangkan hasil mereka akan melabur di Malaysia. Masalah kita ialah kita dapat "bad press" iaitu sampai sekarang ini pun media asing sengaja memburukkan keadaan dalam Malaysia. Sebagai satu contoh, apabila satu kumpulan pelancong Eropah ingin datang ke Malaysia, dalam masa itu juga akhbar melapor bahawa Malaysia bahaya bagi pelancong. Namun demikian, mereka datang juga dan mereka dapati tidak ada apa-apa bahaya di Malaysia.

Dan juga apabila di lapor dalam akhbar The Sun tentang kononnya ada percuban untuk membunuh saya dan timbalan saya, akhbar di seluruh dunia melaporkan ini dan ini menyebabkan orang merasa takut kepada Malaysia. Kalau tidak kerana "bad" publisiti ini saya yakin pelancong dan pelabur akan datang berduyun-duyun ke Malaysia.

Ini masalah kita. Daripada segi ekonomi, pentadbiran dan keselamatan kita cukup baik tetapi kita masih mendapat "bad" publisiti. Umpamanya bila dilaporkan pasal Malaysia, akan ditambah "dimana tidak ada demokrasi", "di mana medianya dikongkong oleh kerajaan" walaupun kita tahu Asian Wall Street Journal dan Herald Tribune dicetak di Kuala Lumpur dan diedar ke seluruh Asia Tenggara. Tetapi mereka perlu sebut itu juga, sekarang ini ditambah "Muslim country". Inilah yang menyebabkan pemulihan kita Terganggu.

Soalan: Datuk Seri, satu hakikat yang mungkin pihak media asing ini tidak nampak ialah mengikut laporan hari ini, walaupun berlaku kejadian 11

September yang telah menjejaskan industri pelancongan dunia tetapi bilangan pelancong ke Malaysia sehingga November 2001 ialah 11.5 juta dan ramalan sehingga hujung tahun 2001 ialah 12.5 juta. Dari segi pertumbuhan ialah 28.5 peratus. Jadi apa yang diperkatakan oleh media asing ini adalah tidak benar kerana mengikut perangkaan lebih ramai orang melancong ke Malaysia.

Jawapan: Pelancong yang datang ke Malaysia yang menambah bilangan bagi tahun 2001 ialah pelancong yang datang sebelum September. Jumlahnya setiap bulan lebih daripada satu juta. Jika tidak kerana keganasan 11 September, kita yakin setiap bulan kita akan mendapat lebih dari satu juta lebih pelancong. Dan ini adalah satu angka yang cukup besar kerana seluruh tahun 2000 jumlah pelancong ialah 10 juta iaitu tidak sampai satu juta satu bulan.

Tapi daripada bulan Januari sehingga sebelum September, kedatangan berjumlah satu juta tiap-tiap bulan. Ini yang menyebabkan angka itu naik untuk tahun 2001 walaupun pada bulan September ianya turun dengan mendadak, bulan Oktober juga masih rendah tidak mencapai satu juta cuma 700,000 sahaja tetapi pada bulan-bulan yang awal itu memang bilangannya amat tinggi dan ini akan berjumlah lebih daripada 12 juta pada tahun 2001.

Soalan: Ini soalan mengenai isu Asia Barat. Sememangnya Malaysia memberi perhatian kepada isu ini kerana ia melibatkan hubungan kita dengan Palestin. Baru-baru ini telah berlaku pertumpahan darah dan Datuk Seri sendiri telah mengutuk serangan Israel ke atas Palestin. Dimanakah kesudahan kepada isu ini?

Jawapan: Penyelesaian bergantung kepada kuasa-kuasa besar. Selagi kuasa besar memberi muka kepada Israel maka tidak akan ada penyelesaian. Saya telah mengikuti apa yang berlaku di Palestin sejak daripada penubuhan negara Israel dan sebelum daripada itupun kita tahu bahawa inilah yang menyebabkan pertelingkahan besar berlaku antara, disatu pihak, orang Arab Palestin dengan orang Israel dan juga antara orang Islam dengan kuasa-kuasa besar di Eropah. Mereka seolah-olah tidak sensitif kepada perasaan orang Islam. Mereka mengambil wilayah orang Islam dan memberi kepada orang lain kerana mereka berasa bersalah disebabkan mereka membunuh 6 juta orang Yahudi semasa perang dulu, untuk melepaskan dosa mereka. Maka mereka ambil wilayah orang Arab dan memberi kepada Israel.

Buat beberapa lama orang Arab tidak menerima Israel tapi mereka akhirnya menerima juga wujudnya Israel sebagai satu pendekatan untuk menyelesaikan masalah. Tetapi pihak Israel tidak mahu iktiraf negara Palestin. Jadi sementara orang Arab dan orang Islam mengiktiraf Israel, Israel tidak mahu iktiraf Palestin dan ini menyebabkan permusuhan yang ketat antara orang Palestin yang disokong oleh orang Islam lain dan Israel yang disokong oleh kuasa-kuasa besar dan penyelesaian tidak akan dapat dicapai selagi wilayah Israel tidak ditentukan.

Hari ini pun perenggan sempadan Israel masih tidak ditentukan. Ini bermakna bahawa penyelesaian tidak boleh dicapai. Kita dapati bahawa Israel memang ganas terutama Ariel Sharon (Perdana Menteri Israel). Dialah yang membunuh orang Islam di Lebanon dengan ramainya dan sekarang ini dia menjadi Perdana Menteri Israel. Dan apabila diberi lampu hijau untuk menyerang, kita lihat bagaimana ganasnya orang ini. Selagi kuasa-kuasa besar tidak "reign in" atau halang Ariel Sharon saya ingat keganasan akan terus berlaku. Dalam pada itu kita juga harus ingat bahawa serangan oleh Hamas tidak menolong orang Palestin. Ini adalah serangan buta tuli yang tidak memajukan sama sekali pencapaian matlamat Palestin. Hanya balas dendam, marah dan bertindak tanpa memikir akan hasilnya, akan kesanya. Jadi saya nampak disebelah pihak ialah Ariel Sharon yang ganas dan bengis dan di

pihak lain ialah Hamas yang berjuang bermati-matian tanpa memikir matlamat. Ini yang menjadi masalah di sana.

Soalan: Malaysia bakal menganjurkan satu persidangan antarabangsa mengenai keganasan. Adakah Datuk Seri rasakan ini adalah satu-satunya forum yang mungkin boleh mencari resolusi atau penyelesaian bagi masalah ini termasuk masalah di Palestin?

Jawapan: Ya, kita percaya ia adalah sesuatu yang penting kerana waktu ini keganasan dikaitkan dengan Peristiwa 11 September, sedangkan kita tahu sebelum daripada itupun banyak tindakan ganas telah dilakukan oleh berbagai jenis orang. Kita lihat di Jepun, pun berlaku keganasan, daripada Jepun terdapat Red Army yang biasa datang ke Kuala Lumpur dan menawan kedutaan Amerika. Juga Bierhoff Gang di Jerman yang juga pengganas. Terdapat banyak lagi kumpulan pengganas termasuk kumpulan Yahudi yang juga ganas. Jadi kita kalau hendak lawan pengganas kita lawan dengan pengganas, tapi kalau kita kata pengganas hanya orang Islam sahaja saya fikir itu tidak adillah. Apakah orang Islam perlu menghadapi keganasan oleh orang lain tanpa bantuan sedangkan kita membantu kalau orang lain menghadapi pengganas?

Soalan: Sebagai penutup tirai perbincangan ini Datuk Seri, apakah pesanan ataupun amanat kepada negara?

Jawapan: Pesanan macam biasa sahaja. Kita harus bersyukur kerana negara kita ini selamat dan aman dalam keadaan huru-hara dalam keadaan ekonomi negara didunia menghadapi tekanan dan kita lihat apa yang berlaku di Argentina umpamanya. Kita masih lagi dalam keadaan yang sihat, kita hidup sempurna, kita mempunyai duit ringgit yang cukup. Kerajaan juga tidak menghadapi masalah kewangan sehingga kita dapat membayar bonus. Kita dapat menaikkan gaji, kita dapat memperuntukkan wang yang banyak untuk pembangunan. Oleh kerana itu kita harus bersyukur dan bersyukur bermakna kita bukanlah bertindak secara tidak bertanggungjawab, bila kita bersyukur kita harus bertanggung jawab dan menyumbang kepada pengekalan keadaan aman tenteram dan maju negara kita.

Penutup: Terima kasih Datuk Seri.

-- BERNAMA
SR ES ES LAT